# Kembalikan kuasa mutlak sultan

KUALA LUMPUR 5 Jan. – Kerajaan Parti Keadilan Rakyat (PKR) Selangor dicabar mengembalikan kuasa mutlak Sultan Selangor untuk menerima atau menolak undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri (DUN), jika benar sidang tergempar bertujuan bagi mengembalikan kuasa baginda.

Ahli Parlimen Kulim-Bandar Baharu, Zulkifli Noordin berkata, cabaran tersebut perlu disahut jika mereka tidak mahu dituduh bersandiwara di sebalik kononnya menggembalikan kuasa sultan melalui pindaan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor sedangkan, hasrat sebenar ialah mahu memastikan Menteri Besar berkuasa mutlak.

Selain itu, beliau juga mencabar kepimpinan Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim supaya turut mengembalikan kuasa mutlak baginda untuk melantik, menggantung atau memecat kepimpinan negeri serta bagi membubarkan DUN atas pertimbangan sendiri tanpa perlu nasihat daripada Menteri Besar.

"Kembalikan juga kuasa mutlak sultan untuk menerima atau menolak nasihat Menteri Besar atas pertimbangan baginda sendiri serta untuk menerima atau menolak sebarang cadangan Menteri Besar bagi anugerah kebesaran negeri," katanya dalam blognya, *http://zul4kulim.blogspot.com*, hari ini.

Menurut Zulkifli, alasan kerajaan PKR Selangor kononnya mahu mengembalikan kuasa sultan hanyalah putar belit bagi mengelirukan rakyat, kerana niat sebenar mereka adalah untuk memberi kuasa mutlak kepada Menteri Besar bagi menerima atau menolak pelantikan yang dibuat oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA).



ROSLIN MAT TAHIR | BERITA HARIAN

**SULTAN SHARAFUDDIN** berkenan bertitah pada majlis angkat sumpah pelantikan Mohd Khusrin di Istana Bukit Kayangan, semalam.

# 'Saya tidak berpihak mana-mana parti'

BH 7/1/11 ms 6

## Setiausaha Sulit Sultan Selangor nafi dakwaan kerajaan negeri

**Oleh Khairul Azran Hussin dan Badrul Kamal Zakaria**
*bhnews@bharian.com.my*

SHAH ALAM: Setiausaha Sulit Sultan Selangor, Datuk Mohamad Munir Bani, menegaskan be-

agar menjalankan hubungan baik dengan mana-mana kerajaan negeri yang memerintah. Jadi, cakap-cakap mengatakan saya tidak menyebelahi kerajaan negeri sekarang adalah tidak benar," katanya pada sidang

kenal yang juga ahli Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Datuk Salehuddin Saidin.

Mohd Munir juga berharap kerajaan negeri memberi peluang kepada Setiausaha Ke-

ruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) atau Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), bukan apabila sudah dipersembahkan kepada Tuanku, baru hendak bincang," katanya.

# Pelantikan Khusrin sah

SINAR 7/1/11 MS 2

**SHAH ALAM** – Pelantikan Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) Datuk Mohamed Khusrin Munawi adalah sah dari segi undang-undang dan ianya di bawah bidang kuasa

Pengamal Undang-Undang Datuk Salehuddin Saidin berkata, nama calon untuk jawatan SUK disembahkan kepada Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang menjalankan kuasa SPA Persekutuan selaras dengan kedudukan baginda sebagai Ketua Eksekutif Kerajaan Negeri.

Menurutnya, baginda memberi perkenan kepada salah satu calon yang dicadangkan dan selepas itu, calon berkenaan dipersetujui SPA persekutuan dan melantik mengikut peruntukan Fasal (1) dan 2 (a) perkara 52 Undang-undang tubuh Kerajaan Selangor 1956.

"Apabila hendak melantik SUK, maka SPA akan mempersembahkan nama kepada Tuanku sebagai Ketua Eksekutif Negeri Selangor.

"Jadi Tuanku pilih satu dari tiga nama yang diberi dan satu nama diterima SPA dan SPA melantik sebagaimana termaktub di bawah peruntukan undang-undang. Jadi tidak timbul soal Sultan Selangor melantik. Pelantikan adalah di bawah kuasa SPA," katanya.

# Angkat sumpah depan MB tiada kaitan dengan pelantikan

Metro 7/1/2011 ms 14

SHAH ALAM: Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri Selangor yang baru dilantik, Datuk Mohd Khusrin Munawi perlu hadir dalam majlis mesyuarat kerajaan tetapi sebelum hadir, beliau perlu mengangkat sumpah simpan rahsia di depan Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Ahli Majlis Agama Islam Selangor (Mais), Datuk Salehuddin Saidin berkata, angkat sumpah simpan rahsia itu tiada kena-mengena dengan lantikan tetapi sekadar menyimpan rahsia dan pengakuan tidak boleh mengeluarkan sesuatu dibincang dalam mesyuarat itu.

"Ia tidak menjejaskan perjalanan dan pentadbiran kerajaan negeri kerana kuasa terletak kepada SUK. Tetapi sebelum boleh hadir mesyuarat kerajaan negeri, wajib angkat sumpah simpan rahsia dan kalau tidak, tidak boleh hadir kerana tidak diikrarkan menyimpan rahsia.

"Biasanya selepas SUK dilantik, beliau perlu hadir majlis mesyuarat kerajaan sepenuhnya dan sebelum itu dibenarkan mengangkat sumpah simpan rahsia.

"Apabila pelantikan SUK dibuat mengikut prosedur, perlu diuruskan untuk angkat sumpah simpan rahsia di depan MB dan selepas angkat sumpah taat setia di depan Sultan Selangor, sepatutnya perkara ini diteruskan kerana SUK ada hak hadir majlis mesyuarat kerajaan negeri," katanya.

Bagaimanapun, bekas Ketua Pendakwaraya Negeri Selangor itu berkata, tiada peruntukan undang-undang berkaitan sekiranya MB enggan membenarkan SUK mengangkat sumpah simpan rahsia.

Beliau berkata, dalam peruntukan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor, tidak dinyatakan perlu berunding dengan MB mengenai pelantikan SUK sebaliknya Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) berhak mencalonkan nama dan kerajaan negeri terpaksa akur.

Menurutnya, SPA sudah mempersembahkan tiga nama kepada Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah sebagai Ketua Eksekutif Negeri Selangor untuk diperkenankan.

"Di Selangor, suruhanjaya yang berkaitan dengan pelantikan SUK adalah SPA kerana waran perjawatan datang daripada kerajaan persekutuan. Walaupun di Selangor ada Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri (SPN) tidak relevan untuk melantik SUK seperti dimaksudkan dalam Fasa 52 itu.

"Tetapi ada orang salah faham dengan menganggap kuasa eksekutif negeri itu terletak kepada MB. Pelaksanaannya kepada MB tetapi kuasa eksekutif itu datang daripada Tuanku Sultan," katanya.

STAR 7/1/2011 m/s N 56

# Paramedics with bright futures must not be kept in the dark

I REFER to "Group waiting on Health Ministry for discussion" (*The Star*, Dec 28). Assistant Medical Officers (AMOs) evolved from names such as Dressers, Hospital Assistants (HAs) and Medical Assistants (MAs).

With a *Diploma Pembantu Perubatan* from the Health Ministry, they assist Medical Officers in their daily activities. In specialised departments and units or areas, post basic trained AMOs are fitted in.

On the other hand, a Paramedic graduates with a Degree, Diploma or Certificate in Paramedic Science as clearly defined in their roles and responsibilities in countries such as the UK, US, Canada, Germany and Australia (*reference included from Wikipedia*).

I believe there are none with such a qualification within the Malaysian Civil Service. However, it won't be long, as I have come across an advertisement by a local medical college on such a course.

If the authorities are serious about having Paramedics being a part of our healthcare delivery system, I suggest they look into the UK paramedic modules of training to start with.

The Health Ministry can start discussions with the Public Services Department (PSD) on a paramedic service scheme here with grades starting from U29 at diploma level right up U54 as Chief Paramedic of Malaysia.

Service options can be extended to existing AMOs and nurses who have served at least 10 years in an emergency setting as well as having undergone a course in Post Basic Emergency and Pre Hospital Care.

At the same time, Paramedic Sciences training centres can be set up for diploma and degree level studies.

Paramedics can then be seconded to Police and Fire Stations and Civil Defence Corp 911 Rescue centres on a 24-hour basis to be supervised by an area paramedic superintendent or district or division head.

Subsequently, an association and union of Paramedics Malaysia and a Board of Paramedics Malaysia can be set up to link with paramedics of other nations towards professional development worldwide, just as for nurses, physiotherapists etc.

I suggest the various stakeholders develop academic link with institutions of higher learning locally for AMO diploma holders to pursue a degree course. Currently many are lost as to where to move forward.

And many have studied for a degree not at all related, such as nursing, forensic science, nutrition, social science, management and have left the profession when not being able to move beyond U41 grade.

**DULU DRESSER, SEKARANG PUN DRESSER,**
**Seremban.**